

Headline	Individu berisiko dilarang derma darah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	25	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	168 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,181
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,543



Individu berisiko dilarang derma darah

KUALA LUMPUR: Pusat Darah Negara (PDN) melarang individu yang mengesyaki atau khuatir dirinya dijangkiti HIV menderma darah semata-mata untuk menguji darah mereka.

Jurucakap PDN berkata, perlakuan berkenaan seolah-olah mendedahkan risiko jangkitan penyakit kepada penerima darah.

“Mana-mana penderma darah didapati memberi pengakuan tidak benar ber-

kaitan dengan tingkah laku gaya hidup mereka yang berisiko tinggi, akan didakwa di mahkamah.

“Penghidap atau jangkitan HIV dapat dikenal pasti melalui ujian darah di makmal hospital kerajaan mahupun swasta. Kriteria kelayakan menderma darah bertujuan memastikan darah diderma adalah selamat untuk diberi pada pesakit dan proses pendermaan tidak akan memudaratkan penderma,” katanya.

